



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG OPERESEN (C.1-2 EB.3)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


---

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG OPERESEN**  
**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang *Advertising, Multimedia and Broadcasting* / Asas Kejuruteraan / *Audio, Video and Broadcast Technology* / *Audio and Video Systems* / *Audio and Video Technology* / *Communication Engineering* / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komputer / Komunikasi Media / *Radio, Television and Electronic Technology* / *Video Imaging and Communication Technology* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.


**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**SYARAT-SYARAT LAIN:**

1. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei;
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
3. Hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang operasi televisyen / operasi radio;





4. Hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.
5. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal media penyiaran;
6. Hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penggambaran / rakaman video / rakaman suara dan penyiaran;
7. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*; dan
8. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah satu kelebihan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengurus Teknik Studio atau Penolong Operesen Kanan yang berkenaan;
2. Menjalankan tugas dalam hal ehwal operasi penyiaran televisyen / penyiaran radio berdasarkan kepada penempatan (seksyen / unit) Penolong Operesen tersebut seperti di studio televisyen / studio radio / pos-produksi dan rakaman televisyen / siaran luar.
3. Bertanggungjawab bagi satu-satu peralatan yang dikendalikannya secara bersendirian semasa latihan / rakaman / siaran langsung; dan
4. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.